

KARNIVAL SUKAN PERINGKAT CAWANG/SKUADRON PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2764-karnival-sukan-peringkat-cawang-skuadron-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 8 Dis 17 - Pangkalan Udara Gong Kedak telah mengadakan Karnival Sukan Peringkat Cawang dan Skuadron tahun 2017 bagi acara Basketball, Futsal, Sepak Takraw dan Bola Tampar. Kejohanan tersebut telah berlangsung selama 5 hari bermula 4 hingga 8 Dis 17.

Antara pasukan yang terlibat dikejohanan tersebut adalah No 11 Skuadron, Cawang Kejuruteraan, Skuadron Bantuan Operasi, Skuadron 321, Cawang Tadbir/Provos, Cawang Materiel dan Gabungan Kontraktor. Bagi acara Basketball dan Futsal dimenangi oleh Pasukan Materiel manakala Sepak Takraw telah dimenangi oleh Pasukan Gabungan Kontraktor serta Bola Tampar dimenangi oleh Pasukan No 11 Skuadron.

